

Ucapan : ADHO  
5/3  
132/80

①

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn  
di-Kolej Tunku Ampuan Mariam Johor Baharu pada pukul 4.00  
petang, hari Jumaat bersamaan 3hb Mach 1972

---

Saya sungguh berasa gembira dan bershukor ka-hadzrat Allah kerana dapat hadir bersama tuan2 dan puan2 pada hari ini dan dapat menunaikan janji saya kepada Ibu Pengetua untuk melawat kolej ini.

Lawatan saya ka-kolej ini memberi peluang kepada saya untuk melihat dengan lebih dekat lagi segala kegiatan2 yang di-jalankan di-kolej ini. Apa yang saya telah saksikan pada petang ini sungguh menggembirakan saya. Di-kolej ini ada di-lengkapkan dengan makmal, perpustakaan dan juga asrama. Saya perchaya dengan kemudahan2 yang ada ini puteri2 sakalian akan dapat mengikuti pelajaran dalam suasana yang lebih sempurna.

Perkembangan kolej ini dari masa ia-nya di-tubuhkan pada bulan Mach 1963 memberi satu gambaran yang jelas kepada kita bagaimana chita2 dan hasrat sa-orang pejuang bangsa menjadi satu kenyataan.. Saya berasa bangga kerana Ibu Pengetua kolej ini berjaya menchapai chita2-nya untuk memberi didekan kepada puteri2 Melayu dengan chara-nya yang tersendiri. Semangat berdikari yang di-tunjokkan oleh Ibu Pengetua dan kaki tangan kolej ini sangat-lah di-sanjong tinggi. Negara kita memerlukan lebih ramai lagi orang2 yang mempunyai azam serta semangat yang tinggi seperti yang di-tunjokkan oleh Ibu Pengetua kolej ini.

Suatu perkara yang menggembirakan saya ia-lah masaalah kewangan kolej ini dapat di-atasi dengan ada-nya dermawan2 yang menghulorkan bantuan. Yang paling menggalakkan ia-lah walau pun kolej ini di-khaskan kapada puteri2 Melayu tetapi dermawan2 ini bukan sahaja terdiri daripada orang2 Melayu malah orang2 yang bukan Melayu seperti Yayasan Kuok <sup>Bersaudara</sup> dan Yayasan Lee. Saya di-fahamkan bahawa kedua2 Yayasan ini telah memberi bantuan untok melengkapkan bilek2 makmal sains. Langkah ini jelas menggambarkan kapada kita semangat muhibbah yang wujud di-kalangan masharakat kita. Dalam masharakat yang berbilang bangsa ini kerjasama seperti ini akan mengukuhkan perpaduan dan mempereratkan perhubungan antara kaum.

Saya juga bergembira dengan usaha yang sedang di-jalankan untok memajukan pelajaran sains di-kolej ini. Ini merupakan satu langkah yang positif dan mengikut peredaran zaman. Langkah yang di-jalankan oleh kolej ini ia-itu dengan memberi penegasan dalam pelajaran sains ada-lah sa-laras dengan apa yang di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran. Kita sedang memberi perhatian khas kapada pengajian dan pelajaran sains dan ilmu hisab di-sekolah2 dari perengkat rendah lagi. Usaha2 untok memajukan pelajaran sains di-sekolah2 akan terus di-jalankan dengan membena banyak lagi makmal sains, menambah lagi kelas2 ini. Usaha2 sedang di-jalankan untok menyemak sukatan2 pelajaran sains dan ilmu hisab supaya sa-laras dengan perkembangan baru dalam mata pelajaran tersebut.

Mataalamat pelajaran sains dan hisab yang sedang di-majukan di-sekolah2 rendah dan menengah ada-lah untok membentok daya

● pemikiran kanak2 sekolah sesuai dengan pembangunan Malaysia sekarang. Negara Malaysia memerlukan warga negara yang mahir dan terlatih dalam berbagai lapangan kerja yang akan bertugas dalam peibbagai lapangan perusahaan yang akan memberi sumbangan yang positif terhadap pembangunan negara, yang akan boleh membuat keputusan yang waras darihal kehidupan mereka yang akan datang. Warga negara yang sademikian semesti-nya ada-lah mereka2 yang mempunyai dasar mata pelajaran sains dan teknologi yang telah membentok daya pemikiran yang kritikal dan rasional.

Sayalihat kemudahan perpustakaan juga ada di-sediakan di-kolej ini. Kemudahan saperti ini akan dapat menolong dan membantu puteri2 dalam pelajaran mereka. Namun demikian saya terharu mendengarkan shaer puteri2 tadi yang mana ada di-sebutkan bahawa perpustakaan Al-Jauhari ini kekurangan buku2. Saya sedar kekurangan buku2 ini mungkin menjadi penyekat kejayaan puteri2 kerana di-perpustakaan-lah puteri2 sakalian dapat menambahkan pengetahuan. Sa-takat ini Kementerian Pelajaran belum-lah lagi memberi bantuan sa-chara langsung kapada perpustakaan sekolah2 menengah.

Saya juga ingin menguchapkan sa-tinggi2 penghargaan kapada Ibu Pengetua kerana memberi kemudahan kapada murid2 yang datang-nya dari luar bandar untok belajar dan tinggal di-asrama sekolah ini. Tidak-lah shak lagi dengan ada-nya kemudahan yang di-sediakan peluang ada-lah terbuka kapada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran mereka.

● Saya ingin mengucapkan tahniah kepada puteri2 semua atas kejayaan yang di-chapai oleh puteri2 dalam bidang pelajaran. Saya di-fahamkan bahawa beberapa orang bekas penuntut kolej ini telah dapat melanjutkan pelajaran mereka ka-perengkat Universiti. Ini membuktikan dengan ada-nya keazaman yang kuat kejayaan pasti akan terchapai.

Akhir-nya saya mengucapkan ribuan terima kaseh di-atas segala sambutan yang telah di-berikan kepada saya dan isteri saya pada petang ini.



Saya ingin mengucapkan tabiih kepada puteri benua  
dan kejayaan yang di-capai oleh puteri dalam bidang pelajaran.  
Sya di-fahamkan bahwa beberapa orang bekas pentam kolej ini  
alah dapat melanjutkan pelajaran mereka ke-pertingkat Universiti.  
Lampirkan dengan ini ke-asmahan yang luas kejayaan pasti  
dan tercapai.  
Maka saya mengucapkan ribuan terima kasih di-atas  
ke-rahmatan yang telah di-perikan kepada saya dan isteri saya  
dan petang ini.



No. Siri	..... 93 .....
No. Penerimaan	..... 93/80 .....